




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

7 APRIL 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 176 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 368,782 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Sandakan. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 165 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 353,463 orang. Manakala 290 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 273 orang di hospital, 16 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 25 orang merangkumi 23 di ICU/repurposed kritikal care serta dua (2) di *open ward* (*HDW/kubikel akut*) dan 10 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lima (5) daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Merah 20 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah jangkitan baharu hari ini tidak banyak berubah daripada jumlah semalam. Sabah mencatatkan kes baharu sebanyak 176, iaitu 12 kes lebih rendah daripada sebelumnya.
- b. Pergerakan turun naik kes baharu di hampir semua daerah adalah pada jumlah yang kecil. Kecuali Tuaran, daerah-daerah yang berdekatan dengan ibu negeri mencatat pertambahan kes baharu yang marginal. Kota Kinabalu 40 (+10), Penampang 27 (+4), Papar 13 (+4), Putatan 12 (+1) dan Tuaran 10 (-4).
- c. Lima (5) daerah mencatat kes baharu dua (2) angka dan 20 daerah merekodkan kes jangkitan baharu di antara satu (1) hingga tujuh (7) kes. Daripada 20 daerah tersebut, jumlah jangkitan baharu di 14 daerah adalah kurang daripada lima (5) kes. Tidak ada kes baharu di Kunak dan Kalabakan.
- d. Jumlah jangkitan baharu yang semakin rendah dan terkawal sedikit sebanyak disebabkan oleh peratusan jumlah penduduk yang telah melengkapkan pengambilan vaksin semakin tinggi. Walaupun jangkitan sporadik kekal tinggi, iaitu 67% hari ini, tetapi jumlah jangkitan harian semakin terkawal kerana keberkesanan perlindungan vaksin serta tahap pematuhan yang baik di kalangan masyarakat ke atas semua SOP.
- e. Seramai 172 orang daripada 176 pesakit baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2. Empat (4) orang pesakit adalah dalam Kategori 3. Tidak ada pesakit dalam Kategori 4 dan Kategori 5 hari ini.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	33	18.75%
3	Bergejala	118	67.05%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	25	14.20%
JUMLAH		176	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (6 April 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 6/04/2022	Catatan Kes 7/04/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	30	40	+10
2	Penampang	23	27	+4
3	Papar	13	17	+4
4	Tenom	4	7	+3
5	Tambunan	1	4	+3
6	Tongod	0	3	+3
7	Ranau	4	6	+2
8	Putatan	11	12	+1
3	Semporna	1	2	+1
10	Kuala Penyu	3	4	+1
11	Nabawan	0	1	+1
12	Kinabatangan	1	2	+1
13	Kota Marudu	5	5	Mendatar
14	Telupid	2	2	Mendatar
15	Beluran	2	2	Mendatar
16	Kalabakan	0	0	Mendatar
17	Beaufort	15	6	-9
18	Sipitang	8	1	-7
19	Kudat	7	2	-5
20	Kota Belud	8	3	-5
21	Tuaran	14	10	-4
22	Keningau	10	6	-4
23	Sandakan	8	4	-4
24	Pitas	4	1	-3
25	Tawau	9	7	-2
26	Lahad Datu	4	2	-2
27	Kunak	1	0	-1
JUMLAH		188	176	-12

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	5	29	0	6	40	777
Penampang	0	11	16	0	0	27	332
Papar	0	3	14	0	0	17	261
Putatan	0	0	11	0	1	12	166
Tuaran	0	2	5	0	3	10	246
Tawau	0	0	4	0	3	7	83
Tenom	0	3	2	0	2	7	74
Keningau	0	1	5	0	0	6	103
Beaufort	0	4	2	0	0	6	165
Ranau	0	1	5	0	0	6	73
Kota Marudu	0	2	3	0	0	5	99
Sandakan	0	0	4	0	0	4	162
Kuala Penyu	0	1	1	0	2	4	71
Tambunan	0	0	1	0	3	4	66
Kota Belud	0	0	2	0	1	3	62
Tongod	0	0	3	0	0	3	9
Lahad Datu	0	0	1	0	1	2	47
Beluran	0	0	2	0	0	2	53
Telupid	0	0	2	0	0	2	14
Kinabatangan	0	0	1	0	1	2	40
Semporna	0	0	0	0	2	2	12
Kudat	0	0	2	0	0	2	59
Pitas	0	0	1	0	0	1	58
Sipitang	0	0	1	0	0	1	77
Nabawan	0	0	1	0	0	1	13
Kunak	0	0	0	0	0	0	25
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	5
JUMLAH	0	33	118	0	25	176	3152

- 6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 2,763 unit.
- Hospital 1,359 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,164 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 10.50%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 7 APRIL 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	175
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	176

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	172
Bukan Malaysia	4
Jumlah	176

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	12
Belum Menerima Vaksin (5-11)	14
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	5
Menerima 1 Dos	8
Lengkap 2 Dos	60
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	77
Jumlah	176

Iv.Umur

Umur (Tahun)	
<1	5
1-4	7
5 -11	22
12-17	10
18-29	51
30-39	38
40-49	15
50-59	13
60-69	9
70-79	3
80-89	3
>90	0
Jumlah	176

C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 174 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 52 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 904 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 197 premis perniagaan dan 259 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan 41 di Premis Perniagaan melibatkan sembilan 30 anggota APM.

- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 125 anggota.
- 5 Sejumlah 44 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 6 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 126 hebahan di seluruh Sabah.

D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP PROSEDUR OPERASI STANDARD SEMASA (MYSOP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap prosedur operasi standard semasa (MYSOP) pada hari ini ialah **98.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98.6%
2	Kinabatangan	98.6%
3	Kunak	98.6%
4	Kota Belud	98.5%
5	Beluran	98.5%
6	Kota Marudu	98.4%
7	Kudat	98.4%
8	Ranau	98.4%
9	Sipitang	98.3%
10	Tenom	98.3%
11	Tawau	98.3%
12	Beaufort	98.3%
13	Lahad Datu	98.3%
14	Keningau	98.2%
15	Kota Kinabalu	98.2%
16	Papar	98.2%
17	Tuaran	98.2%
18	Sandakan	98.1%
19	Penampang	98.1%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II